



ISMAIL Sabri Yaakob beramah mesra bersama Orang Asli Mahmer yang turut hadir memeriahkan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022 di Taman Tugu, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

PM arah segerakan pindaan Akta Alam Sekitar

UM- 6/6/2022 mki 4

KUALA LUMPUR: Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) diarah membentangkan perkembangan terkini berhubung pindaan atau penggubalan akta berkaitan alam sekitar pada mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan, negara sudah lama membincangkan perihal pindaan dan penggubalan akta berkaitan alam sekitar, namun pihaknya masih belum menerima sebarang maklum balas terperinci mengenainya.

“Saya akan tekankan supaya undang-undang alam sekitar ini perlu disegerakan pada mesyuarat Kabinet, Rabu ini kerana kita tahu banyak pencerobohan dan sebagainya yang berlaku.

“Di sini (Taman Tugu) contohnya, difahamkan adalah tempat pembuangan sampah haram. Sepatutnya kawasan hutan hujan ini dijaga dengan baik tetapi dijadikan tempat pembuangan sampah.

“Perkara seperti inilah yang memerlukan undang-undang khas dan tegas supaya tiada pelanggaran peraturan berkaitan alam sekitar,” katanya pada sidang akhbar sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia di Taman Tugu di sini semalam.

Berdasarkan cadangan, pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) oleh KASA bertujuan menaikkan denda maksimum sehingga RM10 juta kepada pelaku jenayah pencemaran alam sekitar.

AKAS 1974 digubal untuk mencegah, menghapus, mengawal pencemaran, memperbaiki alam sekeliling dan yang berkaitan dengannya, dengan lima perkara utama menjadi tunjang iaitu melibatkan pencemaran udara, pencemaran bunyi bising, pencemaran air, pencemaran tanah serta kawalan buangan terajual.

Minggu lalu, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Mansor Othman berkata, pihaknya dijangka membentangkan pindaan AKAS 1974 pada sidang Parlimen akan datang dalam usaha memperkasa penguatkuasaan alam sekitar.

Beliau memaklumkan, draf pindaan akta itu kini berada di Pejabat Peguam Negara sebelum dibentangkan di Parlimen.